



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**MENELUSURI KONSEP PENYERTAAN AWAM DALAM  
KONTEKS URUS TADBIR DARI PERSPEKTIF PEMIMPIN  
BELIA**

*EXPLORING THE CONCEPT OF PUBLIC PARTICIPATION IN THE CONTEXT  
OF GOVERNANCE FROM THE PERSPECTIVE OF YOUTH LEADERS*

Safiah Suhaimi<sup>1\*</sup>, Nor Azizah Zainal Abidin<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia  
Email: ciksafiah@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia  
Email: norazizah@uum.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 23.08.2022

Revised date: 28.08.2022

Accepted date: 09.09.2022

Published date: 15.09.2022

**To cite this document:**

Suhaimi, S., & Abidin, N. A. Z. (2022). Menelusuri Konsep Penyertaan Awam Dalam Konteks Urus Tadbir Dari Perspektif Pemimpin Belia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 359-369.

DOI: 10.35631/IJLGC.729025.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti konsep penyertaan awam dalam konteks urus tadbir menurut kefahaman dan amalan pemimpin belia. Kajian lepas dan statistik Indeks Belia Malaysia tahun 2016 menunjukkan berlaku penurunan pendaftaran keahlian dalam kebanyakan organisasi belia. Penurunan dalam pendaftaran keahlian memberi gambaran bahawa golongan muda semakin kurang berminat untuk terlibat dalam persatuan belia dan keadaan ini boleh dianggap sebagai situasi yang kritikal kepada masa depan negara. Oleh itu, kajian ini cuba menelusuri kefahaman konsep penyertaan belia dalam kalangan pemimpinan belia. Kefahaman konsep asas ini penting kerana kefahaman yang betul akan membantu pemimpin belia untuk menarik ramai golongan muda untuk terlibat dalam pertubuhan belia dan seterusnya merencanakan proses urus tadbir melalui penyertaan awam yang matang dan berterusan. Seramai tujuh orang pemimpin tertinggi belia telah ditemubual. Data temubual telah dianalisis menggunakan kaedah tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman mengenai konsep penyertaan awam dalam kalangan pemimpin tertinggi belia masih lagi rendah. Pemimpin belia memberikan takrifan yang umum dan pelbagai berkenaan tentang konsep penyertaan awam dan ini menyebabkan pelaksanaan penyertaan awam kurang ditekankan. Kajian ini dijangkakan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam pengurusan belia bagi merangka dan mereka bentuk aktiviti dan program yang bersesuaian dan mampu menarik minat belia untuk turut sama meningkatkan penyertaan awam.

**Kata kunci:**

Belia, Penyertaan Awam Belia, Penyertaan Belia, Pemimpin Belia

**Abstract:**

This study aims to identify the concept of public participation in the context of governance according to the understanding and practise of youth leaders. Past studies and statistics from the Malaysian Youth Index in 2016 show a decline in membership registration in most youth organizations. The decline in membership registration gives the impression that young people are less and less interested in being involved in youth associations, and this situation can be considered a critical one for the future of the country. Therefore, this study tries to explore the understanding of the concept of youth participation in youth leadership. Understanding this basic concept is important because a correct understanding will help youth leaders attract many young people to get involved in youth organisations and further accelerate the governance process through mature and continuous public participation. A total of seven top youth leaders were interviewed. The interview data was analysed using the thematic method. The findings of the study show that the understanding of the concept of public participation among the top youth leaders is still low. Youth leaders give general and diverse definitions of the concept of public participation, and this causes the implementation of public participation to be less emphasized. This study is expected to help relevant parties in youth management formulate and design activities and programmes that are appropriate and able to attract the interest of youth to increase public participation.

**Keywords:**

Youth, Youth Public Participation, Youth Participation, Youth Leaders

**Pengenalan**

Penyertaan merujuk kepada penglibatan semua pihak, tanpa mengira jantina, latar belakang, atau status, bercakap secara langsung atau tidak langsung. Penyertaan juga dilihat sebagai hasil daripada usaha responsif kerajaan untuk mengeluarkan rakyat daripada kesusahan secara umum (Popescu, 2014; United Nations Economic & Social Commission, 2004). Setiap masyarakat mempunyai keinginan untuk terlibat dan mengeluarkan pendapat, sama ada secara langsung atau melalui institusi yang mewakili kepentingan mereka. Penyertaan meluas, bagaimanapun, hanya akan berlaku jika terdapat kebebasan berpersatuan dan bersuara. Usaha mengekalkan tadbir urus yang baik perlu diutamakan oleh semua pihak bagi memperkasakan semula sistem penyampaian (Aziz, Amir & Auzair, 2019).

Isu permasalahan belia dalam penyertaan awam adalah berlakunya penurunan keahlian belia dalam persatuan (Macheka & Masuku, 2019; Makwerere, 2019). Hal ini kerana sejak akhir-akhir ini isu yang melibatkan belia adalah penurunan ahli belia. Seperti yang dilaporkan oleh to Azimi, Turiman, & Ezhar, (2002) berlakunya peningkatan jumlah persatuan belia Malaysia yang semakin tidak aktif dan sedang mengalami penurunan keahlian. Menurut Indeks Belia Malaysia (2011), yang dilaksanakan ke atas 5,223 belia di seluruh Malaysia menunjukkan bahawa tahap penglibatan belia Malaysia dalam aktiviti berorganisasi masih berada ditahap yang kurang memuaskan hanya 17.8% daripada golongan muda dilaporkan terlibat dalam kelab-kelab belia dan persatuan. Peratusan ini menurun dari tahun 2006.

Manakala, Indeks Belia Malaysia (2015), turut sama menurun iaitu hanya 16.9% sahaja penyertaan belia dalam persatuan belia. Kenyataan ini disokong sekali lagi dalam Indeks Belia Malaysia (2016) yang menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam persatuan dan kelab berada di tahap yang rendah dan peningkatan aktiviti senggang. Oleh itu, tahap penyertaan belia dilihat masih rendah terutamanya dalam penyertaan belia persatuan dan secara tidak langsung pembuatan keputusan program pembangunan belia turut terhad (Zal, Ma'rof, & Sidek, 2010; Suhaimi, Abidin, & Yeon, 2020). Oleh itu, proses dan kualiti penglibatan awam adalah terhad disebabkan kekurangan pengetahuan di kalangan belia mengenai kefahaman tentang penyertaan awam (Ali & Arifin, 2020).

Oleh itu, kajian dijalankan untuk menjawab persoalan kajian mengenai kefahaman pemimpin belia terhadap konsep penyertaan awam. Pada dasarnya, penyertaan awam memainkan peranan penting dalam kalangan belia. Pandangan dan idea mereka dapat membantu para pembuat dasar untuk mencadangkan dan melaksanakan program yang dapat memberi manfaat kepada negara. Menurut (Ali & Arifin, 2020) kefahaman adalah sangat penting bagi memperbaiki keadaan penyertaan awam yang kurang memuaskan.

Dalam konteks perancangan dan pembangunan belia, penyertaan awam mencerminkan pemikiran demokratik, terutamanya di peringkat akar umbi (Grisez & Kweit, 2007; Lafont, 2015; Marzuki, 2015). Ia boleh memupuk kepercayaan orang ramai terhadap legitimasi dan akauntabiliti kerajaan (Grisez & Kweit, 2007; Lafont, 2015; Marzuki, 2015). Selain itu, ia meningkatkan ketelusan perundangan dan pengurusan kerajaan tempatan (Dola, 2003; Sulzakimin et al., 2014). Penyertaan awam merupakan satu proses yang kompleks, tetapi ia amat penting supaya sebarang pembangunan yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan aspirasi orang ramai dan masyarakat (Aiyoola et al., 2014; Bergmuller, 2015; Salleh et al., 2017).

### **Kajian Literatur**

Pada masa ini, konsep penyertaan mendapat pertimbangan penting di kalangan pengamal. Penyertaan merupakan salah satu ciri yang penting dalam tadbir urus yang baik. Setiap individu dalam masyarakat sama ada lelaki, perempuan ataupun orang kurang upaya mempunyai suara dalam menyatakan sesuatu keputusan sama ada secara langsung atau melalui institusi perantaraan yang sah dalam mewujudkan kepentingan mereka. Terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh beberapa orang sarjana mengenai penyertaan.

Menurut Hart (1992), penyertaan merujuk proses perkongsian yang memberi kesan kepada kehidupan seseorang dan kehidupan masyarakat iaitu demokrasi yang dibina dan ia adalah satu standard di mana demokrasi harus diukur. Penyertaan adalah hak asas kewarganegaraan. Namun begitu, Sinclair dan Franklin (2000) menegaskan bahawa terdapat lapan justifikasi bagi penyertaan iaitu untuk menegakkan hak belia, untuk memenuhi obligasi dan tanggungjawab undang-undang, untuk meningkatkan proses demokrasi, untuk meningkatkan perkhidmatan, untuk meningkatkan membuat keputusan, untuk menggalakkan perlindungan belia, untuk membina kemahiran belia dan untuk memperkasa dan meningkatkan harga diri.

Penyertaan awam merupakan satu proses yang kompleks, tetapi pembangunan yang dilaksanakan adalah kritikal untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat (Salleh et al., 2017). Berdasarkan Kandil (2022) sebarang prosedur yang melibatkan orang ramai secara langsung dalam membuat keputusan dan mengambil kira input awam sepenuhnya semasa

membuat keputusan itu mungkin dianggap sebagai penyertaan awam. Penglibatan awam adalah satu prosedur, bukan satu perkara yang berlaku. Ia melibatkan beberapa siri inisiatif yang diambil oleh organisasi belia semasa menjalankan projek untuk mendidik belia dan mendapatkan maklum balas mereka. Belia (mereka yang mempunyai kepentingan atau kepentingan dalam sesuatu isu, seperti individu, organisasi berkepentingan, atau komuniti) mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi keputusan yang memberi kesan kepada kehidupan mereka melalui penglibatan awam. Untuk menjalankan penglibatan awam yang bermakna, adalah perlu untuk meminta pendapat daripada belia dan mengenai masalah yang tepat di mana pendapat tersebut mempunyai peluang yang tsah untuk mempengaruhi perjalanan sesuatu tindakan.

Pertimbangan yang lebih baik dapat dibuat hasil daripada penglibatan awam kerana ia menyediakan pembuatan keputusan dengan maklumat yang lebih komprehensif untuk dipertimbangkan semasa proses membuat keputusan, seperti fakta, nilai dan pandangan baharu. Kemudian, penyertaan awam dapat mengambil kira pengetahuan dan kemahiran terbaik semua pihak yang terlibat. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil kira keperluan dan kepentingan semua belia, terutamanya populasi yang terdedah dan kurang bernasib baik (Kandil, 2022).

Dalam kajian ini, penyertaan awam merujuk kepada proses menyuarakan pendapat dengan matlamat untuk meningkatkan penglibatan awam dalam menyuarakan pendapat dalam proses membuat keputusan yang lebih teratur dan telus (Stern & Dietz, 2008). Fungsi perancangan menganalisis maklumat dan nilai komuniti, dan penyertaan awam merupakan komponen penting dalam proses perancangan (Ah, Omar, & Azman, 2017). Keadaan ini menunjukkan bahawa belia atau masyarakat umum ingin mengambil bahagian dalam proses penyertaan masyarakat, bantahan masyarakat, komunikasi, dan hubungan baik antara pihak berkepentingan/kerajaan dan masyarakat.

Selain itu, pemimpin belia memainkan peranan utama sebagai individu yang bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan yang berlaku dalam tampuk kepemimpinan persatuan belia. Perubahan yang dimaksudkan adalah pemimpin belia bertindak sebagai seorang pengurus, memberikan bantuan terhadap proses persatuan belia, sebagai perunding; menggerakkan dan menyelesaikan sesuatu masalah serta menjadi penghubung kepada sumber. Peranan pemimpin sebagai pengurus adalah kebolehan mereka menyampaikan dan memberi motivasi kepada ahli belia lain tentang matlamat organisasi serta memberi rah tujuan untuk bertindak dengan berkesan. Pemimpin sebagai pembantu proses pula lebih memberikan kecekapan dan kemahiran kepada ahli. Pemimpin sebagai perunding adalah bersifat bertolak ansur dan memberikan rujukan kepada ahli belia. Manakala, peranan pemimpin penggerak pula merujuk adalah kebolehan mengalakkan belia untuk bertindak dan merancang mengikut matlamat persatuan belia. Selain itu, pemimpin perlu mempunyai kecekapan dalam membentuk strategi penyelesaian masalah serta menjadi penghubung sumber dalam menghubungkan persatuan dengan agensi lain. Hal ini jelas menunjukkan pemimpin belia memainkan peranan dan aspek tersendiri dalam memipin persatuan belia (Hamzah, 2005).

*Roger Hart's Ladder of Participation* telah digunakan sebagai teori yang dapat menunjukkan keputusan bersama yang dimulakan oleh golongan muda iaitu dengan golongan dewasa sebagai bentuk penyertaan golongan muda yang paling tinggi, diikuti serta-merta oleh yang dimulakan dan diarahkan oleh golongan muda. Namun begitu, Chado (2017) penyertaan belia dalam persatuan lebih bersifat tokenisme dalam tangga penyertaan belia. Tokenisme wujud apabila

ketidakseimbangan kuasa antara golongan dewasa dan belia dan tidak ditangani dalam program atau organisasi. Golongan dewasa atau senior tidak menggunakan pengetahuan belia untuk membina kebolehan golongan muda dan komuniti mereka, sebaliknya hanya menumpukan pada pencegahan dan campur tangan.

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh belia walaupun mereka bersedia bertindak dan menjadi pemimpin masa hadapan. Menurut, McEvoy-Levy, (2012) dan Musarurwa (2018) idealisme golongan dewasa yang melihat golongan belia kekurangan pengetahuan dan pengalaman. Ini mengakibatkan golongan dewasa tidak bersedia memberikan ruang dan peluang untuk belia terlibat secara bersama. Sebagai contoh, di seluruh Afrika menutup peluang kepada golongan belia untuk terlibat dan menjadikan mereka bergantung pada golongan dewasa. Apabila golongan belia mengambil bahagian secara bersama. Pandangan dan idea mereka tidak pernah dipandang serius dan dibantah oleh golongan dewasa. Keadaan ini mengurangkan keinginan golongan belia untuk mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan bersama golongan dewasa (Masuku & Macheke, 2021). Di seluruh Afrika, sebagai contoh, ia mengehadkan penyertaan belia dan menjadikan mereka bergantung kepada orang dewasa. Golongan dewasa tidak pernah mengambil pendapat dan idea mereka dengan serius dan sentiasa membantahnya. Keadaan ini menyukarkan belia untuk terlibat dalam sebarang perbincangan dengan golongan dewasa (Suhaimi, 2021). Pembuat keputusan yang mempunyai pemahaman yang mendalam tentang kepentingan belia juga merupakan komunikator yang lebih baik, mampu menyatakan pilihan mereka dan pemikiran yang berkaitan dengan kepercayaan dan isu belia (Kandil, 2022).

### **Metodologi**

Penyelidik telah memilih kaedah penyelidikan secara temu bual bagi menjalankan penyelidikan ini. Kaedah temu bual membantu penyelidik untuk memahami proses berdasarkan kepada situasi sebenar malah kaedah ini juga membantu penyelidik untuk menghuraikan masalah dan membina kefahaman terperinci daripada fenomena sebenar. Reka bentuk kajian yang dipilih adalah temu bual yang mana memerlukan penyelidik akan berusaha untuk memasuki dunia sebenar responden dalam memahami peristiwa yang dialami (Geertz, 1973). Keadaan ini akan membantu penyelidik untuk memahami kefahaman penyertaan awam tersebut.

Bagi memilih responden dalam mendapatkan maklumat, penyelidik telah memilih tujuh orang pemimpin persatuan belia bertujuan dengan menetapkan kriteria-kriteria yang tertentu sesuai dalam mencapai objektif penyelidikan yang telah ditetapkan (Silverman, 2013). Demografi profil responden dipilih adalah pemimpin persatuan belia yang memegang jawatan sebagai presiden, timbalan presiden serta ahli jawatankuasa persatuan belia. Tempoh kepimpinan pemimpin persatuan belia yang dipilih sebagai responden adalah mempunyai kepimpinan selama 10 tahun ke atas. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan secara tidak langsung membantu penyelidik dalam memperoleh maklumat yang tepat mengenai kefahaman yang terjadi dengan lebih mendalam (Neuman, 2000). Dalam konteks penyelidikan ini, seramai tujuh orang pemimpin tertinggi belia telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat berkenaan konsep penyertaan awam yang difahami oleh mereka.

Bagi mengumpulkan data, penyelidik telah memilih kaedah temu bual semi berstruktur sebagai instrumen utama. Kaedah ini memberikan kemudahan penyelidik mendapatkan pemahaman dari perspektif informan terhadap isu yang dikaji (Yin, 2011). Sesi temu bual akan dijalankan



secara perseorangan dengan informan untuk menjaga etika sepanjang proses mengumpulkan maklumat dijalankan. Proses temu bual dijalankan di tempat yang dipilih oleh informan yang akan dijalankan selama empat puluh lima minit sehingga satu jam. Penetapan tarikh, masa dan lokasi dibincangkan dan persetujuan dilakukan dengan memberi keutamaan terhadap informan. Perkara ini penting bagi memastikan informan selesa sepanjang sesi temu bual dijalankan kerana keadaan persekitaran juga akan mempengaruhi fizikal dan emosi informan sertamemberi kesan terhadap pernyataan-pernyataan yang bakal diberikan Bagi memastikan data yang diperoleh adalah kukuh, penyelidik memilih untuk menjalankan pemerhatian turut serta terhadap informan semasa proses pemulihan dijalankan dan juga kehidupan informan selepas berjaya berubah kembali kepada fitrah. Setelah data dikumpulkan, penyelidik menjalankan kaedah tematik bagi memproses dan membentuk tema terhadap persoalan penyelidikan yang dibentuk. Analisis ini memberi kemudahan kepada penyelidik untuk meneroka dan mengetahui persepsi informan terhadap penyelidikan yang dijalankan.

### Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini menerangkan penemuan untuk menjawab persoalan kajian mengenai kefahaman pemimpin belia terhadap konsep penyertaan awam. Pada dasarnya, penyertaan awam memainkan peranan penting dalam kalangan belia. Pandangan dan idea mereka dapat membantu para pembuat dasar untuk mencadangkan dan melaksanakan program yang dapat memberi manfaat kepada negara. Menurut (Ali & Arifin, 2020) kefahaman adalah sangat penting bagi memperbaiki keadaan penyertaan awam yang kurang memuaskan. Proses dan kualiti penglibatan awam adalah terhad disebabkan kekurangan pengetahuan di kalangan orang awam (Ali & Arifin, 2020). Penyertaan awam merupakan satu proses yang kompleks, tetapi ia amat penting supaya sebarang pembangunan yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan aspirasi orang ramai dan masyarakat (Salleh et al., 2017). Tema utama yang dikenalpasti dalam kefahaman pemimpin belia terhadap konsep penyertaan adalah penglibatan belia.

Oleh itu, penyelidik telah memulakan perbincangan dengan pemimpin persatuan belia dengan meminta mereka memberikan kefahaman tentang konsep penyertaan awam. Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh responden boleh dilihat bahawa majoriti memahami penyertaan awam sebagai penglibatan belia. Oleh itu, tema utama bagi kefahaman konsep penyertaan awam adalah penglibatan belia.

Berdasarkan petikan di bawah menunjukkan pemimpin belia menyatakan bahawa:

*Pemimpin belia 1:* "... Saya lebih ke arah penglibatan. Golongan belia kepada pertubuhan belia. Maksud saya menyertai pertubuhan belia..."

Daripada petikan informan pertama di atas terbukti bahawa beliau menyebut bahawa penyertaan bermaksud penglibatan. Oleh itu, kefahaman informan adalah berdasarkan pengalaman beliau dalam menyertai pertubuhan belia sejak tahun 2002. Menurut informan, pengalaman menyertai pertubuhan telah membuka mata beliau tentang proses dan perjalanan persatuan belia yang lebih terurus. Beliau beranggapan pengalaman tersebut telah menjadikan beliau seorang yang mampu mentadbir persatuan dengan lebih baik dan mampu memberikan khidmat kepada masyarakat dan negara.

Oleh itu, jika dilihat dari aspek kepimpinan, pemimpin belia perlu menjadi seorang pemimpin yang mampu memimpin persatuan belia dan dapat mempengaruhi pengikut belia secara

positif dalam memberikan sesuatu keputusan. Oleh itu, dalam diri pemimpin belia seharusnya mempunyai kredibiliti kepemimpinan, mesra dengan pengikut, belia yang lain, mempunyai personaliti kepimpinan yang menarik dan amanah serta tidak mengamalkan rasuah (Zainuddin, 2014).

Manakala, pemimpin belia 2 menyatakan pandangan bahawa:

*Pemimpin belia 2*: "...penglibatan belia daripada pelbagai latar belakang boleh terlibat dapat memupuk sikap semangat patriotisme, memupuk sikap ataupun semangat yang kuat untuk memberi...".

Kenyataan informan kedua di atas mendefinisikan penyertaan awam adalah penglibatan belia boleh wujud daripada pelbagai latar belakang dan dapat memupuk semangat patriotisme serta menggalakkan semangat kekuasaan untuk memberi semula khidmat kepada masyarakat. Kenyataan ini adalah berdasarkan pengalaman informan, yang telah terlibat dengan selama 17 tahun. Beliau telah melalui hampir semua tahap reformasi yang berlaku dalam persatuan belia. Hal ini kerana sejak dari zaman sekolah sampai sekarang bergiat aktif sehingga memegang jawatan tertinggi.

Menurut Mahadi, Jalil, Ismail, dan Pauzi, (2022) pemimpin yang hebat adalah mempunyai kekuatan dalaman dan kerohanian yang kuat. Oleh itu, dalam diri belia perlu mempunyai kepimpinan yang tinggi dalam kehidupan seharianya bagi memastikan kepimpinan yang diterajui apat mencapai kejayaan yang sebenar dan membangunkan sesebuah generasi belia (Raquib, Javaid & Anjum, 2020).

Menurut pemimpin belia 3, konsep penyertaan awam adalah:

*Pemimpin belia 3*: "...penglibatan orang muda menjadi pelapis negara, pewaris masa hadapan, jadi orang berguna..."

Informan pemimpin belia yang ketiga menyatakan bahawa beliau memahami penyertaan awam adalah penglibatan daripada golongan muda. Beliau menyatakan bahawa golongan muda adalah pelapis negara dan pewaris pada masa hadapan serta menjadi seseorang yang memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, kefahaman konsep penyertaan di atas lebih menjurus kepada penglibatan golongan muda untuk turut sama terlibat.

Hasil daripada dapatan kajian, bahagian ini berusaha untuk mengenal pasti makna penyertaan awam tersebut dalam perspektif pemimpin persatuan belia. Oleh itu, daripada respons yang diberikan oleh pemimpin belia, majoriti memahami konsep penyertaan awam sebagai penglibatan belia sahaja berdasarkan tema yang telah dikenalpasti. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemimpin belia tidak memahami atau kurang memahami konsep penyertaan awam yang tepat. Menurut definisi penyertaan awam yang sebenar ianya bukan sekadar menyertai sesuatu pertubuhan sahaja tetapi juga mempunyai peluang untuk menyatakan pendapat dan membuat keputusan (Odhiambo & Opiyo, 2017; Kandil, 2022).

Oleh itu, bagi menyokong dapatan kajian ini adalah berdasarkan literatur yang dinyatakan oleh Dietz & Stern (2008) dan Kandil (2022), yang melihat penyertaan awam sebagai proses penyataan pendapat yang menggalakkan belia lebih banyak terlibat dalam menyuarakan

pandangan dalam proses membuat keputusan yang lebih teratur. Penyertaan awam merupakan satu proses yang kompleks, tetapi ia cukup penting agar sesuatu pembangunan yang dilaksanakan ini dapat memenuhi keperluan, kehendak orang ramai dan pihak komuniti (Aiyeola et al., 2014; Bergmuller, 2015; Salleh, 2017). Penyertaan awam merujuk kepada suatu proses yang bertujuan untuk melibatkan belia secara lebih luas dalam menyuarakan pandangan mereka di dalam proses membuat keputusan yang teratur dan telus (Dietz & Stern, 2008).

Penyertaan awam merupakan satu elemen keperluan di dalam satu proses perancangan dan fungsi-fungsi perancangan digunakan untuk menganalisis maklumat dan nilai-nilai komuniti (Siti Hajar et al., 2017). Penyelidik berpandangan ini adalah disebabkan oleh kekurangan peluang yang diberikan. Golongan belia menunjukkan bahawa mereka tidak diberi peluang yang mencukupi untuk melaksanakan mandat mereka sepenuhnya kerana kekurangan dana dan mesyuarat tidak teratur. Namun begitu, secara praktiknya golongan dewasa yang lebih senior lebih mengutamakan kepentingan dan faedah peribadi mereka sendiri. Pandangan belia tidak pernah diambil serius dan ditolak oleh golongan dewasa. Hal ini mengurangkan keinginan golongan muda untuk mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan atau acara apabila mereka merasakan bahawa mereka hanya menambah bilangan ahli sahaja (Odhiambo & Opiyo, 2017). Kenyataan di atas jelas menunjukkan, usaha untuk membina kepimpinan belia memerlukan usaha yang komprehensif yang perlu melibatkan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Maka, penekanan yang tinggi terhadap terhadap konsep penyertaan awam terhadap generasi belia adalah penting. Golongan belia seharusnya diberikan latihan dan pendidikan iaitu menanamkan sikap dan sifat ingin tahu, meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis supaya mampu berfikir matang dalam membuat sesuatu keputusan. Matlamat ini dicapai penelitian dan mereformasi strategi persatuan belia masa kini (Mahadi et al., 2022).

### **Kesimpulan**

Secara kesimpulan, tema utama yang dikenalpasti dalam kefahaman terhadap konsep penyertaan awam adalah penglibatan belia. Hasil dapatan kajian menunjukkan pemimpin belia hanya memahami konsep penyertaan awam daripada aspek penglibatan sahaja. Konsep kefahaman yang sedemikian boleh disifatkan sebagai kefahaman yang agak cetek. Kenyataan ini menyokong bahawa penglibatan awam di dalam membuat keputusan masih lagi berada pada tahap kurang menggalakkan dan masih di peringkat minimum. Oleh itu, dapatan kajian ini menyokong kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh Masuku dan Macheke (2021); Macheke (2021). Musarurwa (2018). Maka, seharusnya belia pada hari ini tidak hanya terlibat tetapi perlu memainkan peranan penting untuk terlibat sama dalam membuat keputusan bersama-sama dengan pemimpin belia dalam mengerakkan persatuan belia. Hal ini penting supaya belia pada hari ini yang merupakan tonggak masa hadapan negara mempunyai keyakinan yang tinggi dalam mentadbir sesebuah persatuan belia mereka di masa hadapan. Oleh itu, belia Malaysia adalah golongan demografi yang signifikan dalam menentukan hala tuju pembangunan sesebuah negara (Suhaimi, 2021).

Oleh hal yang demikian, kefahaman terhadap konsep penyertaan awam yang matang dalam kalangan belia amat penting bagi memastikan kelangsungan belia pada masa hadapan. Penglibatan dan kefahaman terhadap konsep penyertaan awam adalah penting bagi memastikan rakyat khususnya belia mempunyai pengetahuan dan tidak hanya menyertai pertubuhan belia sahaja tetapi turut bersama-sama menyatakan pandangan dan membuat keputusan bagi membentuk penyertaan awam yang seimbang (Masuku & Macheke, 2021; Macheke, 2021).



Dapatan kajian ini akan memberi manfaat kepada individu yang bekerja dengan kumpulan belia di samping menambah pengetahuan mengenai penglibatan awam dan kajian belia. Ini termasuk pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam merancang, melaksana dan menggubal dasar berkaitan program dan aktiviti belia, dengan mengambil kira penggunaan penyertaan awam, dan seterusnya, bagaimana memahami penyertaan awam secara berkesan untuk digerakkan oleh kumpulan belia di negara ini. Kajian ini menawarkan sumbangan teori dan praktikal, tetapi ia juga mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, kerana kajian ini hanya bergantung kepada tinjauan temu bual, ia hanya mengambil kira pemimpin belia dan bukannya golongan muda yang terlibat secara langsung. Oleh itu, penyertaan belia dalam jumlah yang besar dalam kajian soal selidik boleh dijalankan secara soal selidik pada masa hadapan. Maka, dapatan kajian ini tidak boleh digunakan untuk populasi yang lebih besar dan hanya boleh digunakan untuk populasi ini. Selain itu, pandangan dan tingkah laku belia adalah berbeza-beza antara etnik, lokasi geografi dan tahap pendidikan, menjadikannya mustahil untuk menyamaratakan keputusan kepada kumpulan belia yang lain.

Kedua, memandangkan hanya temu bual dengan pemimpin belia sahaja yang dijalankan untuk kajian ini yang bersifat kualitatif, terdapat kecenderungan memihak kepada keputusan temu bual semata-mata. Hasilnya, satu kajian kuantitatif boleh dijalankan untuk menentukan bagaimana belia Malaysia melihat penglibatan awam dan untuk memperdalam pemahaman berkaitan penyertaan awam. Oleh itu, adalah disyorkan bahawa penyelidikan masa depan mengenai penglibatan awam belia di Malaysia boleh melihat melihat penyertaan belia secara amnya.

Secara keseluruhan, penemuan kajian menunjukkan bahawa belia sangat berminat dengan persatuan belia dan bidang penglibatan awam, tetapi mereka mempunyai suara yang sangat sedikit. Dalam konteks ini, pertubuhan dan persatuan belia boleh menjadi platform yang berkesan untuk golongan muda mengekspresikan diri dan menunjukkan kebolehan kepimpinan mereka. Penglibatan mereka dan kebebasan yang diberikan kepada mereka untuk menyatakan fikiran, pendapat, dan idea mereka akan menggalakkan penyertaan awam di samping membantu mereka dalam mengembangkan kebolehan kepimpinan mereka. Selain itu, menurut penyelidik, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan, khususnya parti politik dan Kementerian Belia dan Sukan harus membangunkan dan melaksanakan dasar untuk meningkatkan penglibatan belia berkaitan media sosial.

## Rujukan

- Ah, S. H. A. B., Omar, N., & Azman, Z. (2017). Social participation and subjective social well-being index of poor children in Malaysia. *Akademika*, 87(2), 105-118.
- Aiyeola, A., Abdullah, R., Shamsudeen, N., & Ibrahim, Z. Z. (2014). Examine the level of public participation in environmental impact assessment Process: A case of MRT Project in Malaysia. *International Organization of Scientific Research Journal of Environmental Science, Oxicology and Food Technology*, 8(6), 8-12.
- Ali, M. A. M., & Arifin, K. (2020). Public participation as a decision maker in local plans at local authority. *Akademika*, 90(1), 151-163.
- Azimi, H., Turiman, S., & Ezhar, T. (2002). Youth organization in Malaysia: Development and potential enhancement. *Universiti Putra Malaysia: Serdang*.

- Aziz, S. Z., Amir, A. M., & Auzair, S. (2019). Good governance and the role of management accounting practices: a survey in national tourism organizations. *Asian Journal of Accounting & Governance*, 11.
- Bergmüller, R. (2015, April). Conflict management in the process of impact assessment. In *IAIA Conference, Florence, IAIA*.
- Chado, J. (2017). *Public participation efficiency in planning for urban development in bida, Nigeria*. Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia.
- Dola, K. (2002). *Incorporating sustainable development principles into the local plan preparation process: The case of selected localities in southern region of Peninsular Malaysia*. Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia.
- Geertz, C. (1973). Chapter 1/Thick Description: Toward an interpretive theory of culture. *The Interpretation of Cultures: Selected Essays, New York, Basic Books*.
- Grisez Kweit, M., & Kweit, R. W. (2007). Participation, perception of participation, and citizen support. *American politics research*, 35(3), 407-425.
- Hart, S. L. (1992). An integrative framework for strategy-making processes. *Academy of management review*, 17(2), 327-351.
- Hamzah, S. R. A. (2005). *Kemampuan persatuan belia dan peranan pemimpin sebagai agen perubahan*, Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia.
- Kandil. (2022). *Public participation guide: introduction to public participation*. Diakses daripada <https://www.epa.gov/international-cooperation/public-participation-guide-introduction-public-participation>.
- Lafont, C. (2015). Deliberation, participation, and democratic legitimacy: Should deliberative mini-publics shape public policy? *Journal of Political Philosophy*, 23(1), 40-63.
- Macheka, R. T. (2021). Youth participation in local governance since the 2017 coup in Zimbabwe. *African Journal of Democracy and Governance*, 8(12), 107-128.
- Macheka, T., & Masuku, S. (2019). *Youth participation structures in Zimbabwe: A lens into the experiences of rural youth within WADCOs and VIDCOs*. University of Cape Town. Diakses daripada ccsr.uct.ac.za.
- Masuku, S., & Macheka, T. (2021). Policy making and governance structures in Zimbabwe: Examining their efficacy as a conduit to equitable participation (inclusion) and social justice for rural youths. *Cogent Social Sciences*, 7(1), 1855742.
- Makwerere, D. (2019). Democracy, Habermasian sphere, social media, and youth participation in governance in Zimbabwe: Youth in Governance Processes in Africa. In *Participation of young people in governance processes in Africa*, 127-147, IGI Global.
- Mahadi, M. H., Jalil, M. H., Ismail, A. M., & Pauzi, N. S. (2022). Pembangunan Belia Malaysia dan Sustainable Development Goals (SDG). *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1, 21-29.
- Indeks Belia Malaysia. (2011). Putrajaya: Institute for Youth Research Malaysia. *Ministry of Youth and Sport*.
- Indeks Belia Malaysia. (2015). Institute for Youth Research Malaysia. *Ministry of Youth and Sport*.
- Indeks Belia Malaysia. (2016). Putrajaya: Institute for Youth Research Malaysia. *Ministry of Youth and Sport*.
- Marzuki, A. (2015). Challenges in the public participation and the decision making process. *Sociologija i prostor/Sociology & Space*, 53(1).
- Musarurwa, H. J. (2018). Closed spaces or (in) competent citizens? A study of youth preparedness for participation in elections in Zimbabwe. *Commonwealth & Comparative Politics*, 56(2), 177-194.

- McEvoy-Levy, S. (2012). Youth spaces in haunted places: Placemaking for peacebuilding in theory and practice. *International Journal of Peace Studies*, 1-32.
- Neuman, W. L. 2007. *Basics of social research qualitative and quantitative approaches*. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- Odhiambo, M., & Opiyo, R. (2017). Effective Public Participation Mechanisms in Mombasa, Kilifi, Taita Taveta and Kajiado Counties. *Cisp-Comitato Internazionale Per Lo Sviluppo Dei Popoli-International Committee for The Development of Peoples*.
- Popescu, L. F. (2014). Public governance and strategic responsiveness. *Journal of Public Administration, Finance and Law*, (05), 144-156.
- Raquib, A., Javaid, O., & Anjum, G. (2020). Creation of the Islamic Self for Sustainability: Can Muslim Entrepreneurship Positively Contribute to the Sustainable Development Goals through Tazkiya (Self-Restraint) and Tarbiya (Self-Discipline) of the Muslim Youth. *Journal of Islamic Business and Management*, 10(2), 323-342.
- Royo, S. & Yetano, A. & Acerate, B. 2014. E-participation and environmental protection: Are local government really committed? *Journal Public Administration Review*. Wiley Online Library. Doi. org/10.1111/puar.12156
- Salleh, N. H. M., Shukor, M. S., & Idris, S. H. M. (2017). The impact of tourism development on the human and physical environment of the Pulau Tioman community.
- Silverman, D. (2013). *Doing qualitative research: A practical handbook*. Sage.
- Sinclair, R., & Franklin, A. (2000). A Quality Protects Research Briefing: young people's participation. *Department of Health, Research in Practice and Making Research Count: London*.
- Stern, P. C., & Dietz, T. (2008). *Public participation in environmental assessment and decision making*. Washington, DC: National Academies Press.
- Suhaimi, S. (2021). Challenges of Public Participation: A Qualitative Study. *South Asian Journal of Social Science and Humanities*, 2(5), 100-109.
- Suhaimi, S., Abidin, N. A. Z., & Yeon, A. L. (2020). Social media as a channel to promote youth participation in governance. *South Asian Journal of Social Science and Humanities*, 1(1), 34-42.
- Sulzakimin, M. & Wee, T. S. & Chen, G. K. 2014. Participation in acquiring knowledge towards sustainable development at Malaysian local government. *Journal International Review of Management and Business Research*, 3(3): 1329- 1337.
- United Nations Economic and Social Commission. 2004. *What is Good Governance?* UNESCAP. Bangkok.
- Yin, R. K. (2011). *Applications of case study research*. sage.
- Zainudin, Noor Hidayah. (2014). *Hubungan antara kepimpinan Islam dan komitmen kerja pensyarah: kajian di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah*. PhD Dissertations, University of Malaya.
- Zal, W. A., Ma'rof, R. E. D. Z. U. A. N., & Sidek, A. H. Bario youth participation and obstacles in community development.